

# Seminar kaunseling UPM

## ...lahirkan individu cemerlang yang lebih bersyukur

Oleh: LEELAWATI SUBRAMANI

(Pelatih FBMK)

Foto: Ahmad Fu'aad Alwi

**SERDANG** (15 Ogos) – Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) Universiti Putra Malaysia (UPM) sentiasa berusaha menganjurkan pelbagai program untuk melahirkan individu cemerlang yang lebih bersyukur dan bahagia dalam segala usaha yang dilakukan.

Ia juga selaras dengan falsafah universal kaunseling iaitu ‘menolong individu yang mempunyai halangan psikologi supaya kembali berkembang dan hidup berkesan dalam semua keadaan’.

Program terbaru iaitu Seminar Menginstitusikan Kaunseling di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Panggung Percubaan baru-baru ini berjaya menarik minat pengamal kaunseling di negara ini.

Kumpulan sasaran seminar ini ialah pengamal kaunseling dari institusi pengajian tinggi awam, swasta dan sekolah, pegawai akademik, pensyarah kursus Bimbingan dan Kaunseling, pengurusan universiti, mahasiswa dan lain-lain individu yang berminat.

Ucapan perasmian dan ucap utama seminar ini diberikan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow yang mewakili Menteri Pengajian Tinggi.

Turut hadir pada seminar tersebut ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dato' Seri Dr. Zainul Ariff Hussain dan Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr Ir Mohd Zohadie Bardiae serta pegawai utama universiti.

“Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah suatu usaha menanam dan menyuburkan nilai, sikap dan kemahiran dalam perkembangan individu yang seajar dengan



Dr. Mohd Zohadie menyampaikan cenderamata kepada Datuk Fu Ah Kiow selepas perasmian seminar kaunseling.

cita-cita murni yang sering dicanangkan untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 mengikut acuan sendiri,” kata Shafie dalam ucapannya.

Seterusnya, beliau juga menyatakan bahawa unit kaunseling di setiap IPT yang menjadi pemudah cara bagi individu yang tidak mampu berfikir secara objektif dalam menyelesaikan masalah, perlu dipertingkatkan peranan masing-masing serta memperluas pengalaman dan pengetahuan kaunselor dalam pelbagai bidang kerjaya untuk memudahkan mereka membantu pelajar.

Seminar ini juga menyusun pelbagai aktiviti menarik seperti sesi perkongsian pengalaman, pembentangan kertas kerja dan akhirnya forum bertajuk ‘Menginstitusikan Perkhidmatan Kaunseling dan Kerjaya di IPT’. “Setelah menghadiri seminar ini saya dan rakan sekerja saya dapat menghayati manfaatnya dan mengumpul maklumat berkenaan menginstitusikan kaunseling yang boleh dikongsi bersama dengan kaunselor-kaunselor lain bila balik nanti”, kata Norma Hassan yang bekerja sebagai Penolong Pendaftar di Universiti Tenaga Nasional.